

PENGUAT KUASA DBKL GEMPUR PENIAGA BARANGAN TANPA LESEN

ENGGAN SERAH BELON!

Kuala Lumpur

Suasana di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini kecoh susulan persekuisan faham di antara penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan peniaga barangan tanpa lesen.

Berdasarkan dua rakaman vi-

deo yang tular di media sosial sejak awal pagi semalam, berlaku tolak menolak di antara pegawai penguat kuasa DBKL berpakaian seragam dan kumpulan peniaga.

Difahamkan, kekecohan mula berlaku selepas pihak berkuasa mengambil tindakan merampas barang jualan dari beberapa

individu termasuk penjual belon.

Ketika rampasan hendak dilakukan, penjual terbabit enggan menyerahkan puluhan belon yang dibawanya sebelum berlaku pergelutan.

Pada masa sama, beberapa individu lain juga dipercayai peniaga tanpa lesen turut men-

jerit supaya pihak berkuasa tidak mengasari penjual belon itu namun keadaan menjadi lebih tegang.

Berdasarkan kenyataan dan maklum balas menerusi komen dalam video yang tular, tindakan penguat kuasa DBKL itu dibuat terhadap kumpulan peniaga tidak berlesen yang di-

percayai mula membanjiri persekitaran Jalan TAR menjelang hari raya.

Kejadian itu turut mendapat reaksi Setiausaha Politik Menteri Kewangan Muhammad Kamil Abdul Munim yang mengkritik kejadian itu sambil menunggu laporan penuh pihak berkuasa.